



Headline: Lelaki rugi RM100,000 diperdaya sindiket Language: Malay
Macau Scam

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 3 April 2020

Section: Nasional

Page: 23

Lelaki rugi RM100,000 diperdaya sindiket Macau Scam

SEREMBAN - Seorang lelaki kerugian RM100,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam di Lukut, Port Dickson pada Selasa lalu.

Mangsa berusia 47 tahun menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai kakitangan Pos Laju kira-kira jam 9 pagi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendant Aibee Abd Ghani berkata, lelaki itu memaklumkan mangsa ada membuat kiriman barang dari Kelantan ke Sabah yang mengandungi beberapa kad pengenalan dan kad kredit.

Menurutnya, selepas mangsa menafikannya, panggilan itu disambungkan pula kononnya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan.

“Panggilan itu dijawab seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis dan memberitahu mangsa terlibat dengan pengubahan wang haram berjumlah RM237,000.

“Suspek memberitahu waran tangkap akan dikeluarkan terhadap mangsa dan mengarahkannya memindahkan wang ke akaun Audit Negara,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, mangsa memindahkan wang miliknya berjumlah RM100,000 ke sebuah akaun milik Madam Siti Zaleha Masi.

“Selepas memindahkan wang, mangsa sedar ditipu sebelum tampil membuat laporan di Balai Polis Port Dickson,” katanya.



AIBEE